

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM
MAWAN IKOM**

[Saratok]

NO. SOALAN : 565

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pencapaian NKRA luar bandar dalam semua empat sub-NKRA yang diberi fokus iaitu Jalan Perhubungan, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Program Bantuan Rumah, khususnya di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut dikemukakan status pencapaian projek-projek NKRA Pembangunan Luar Bandar dalam empat sub-NKRA yang diberi fokus **bermula tahun 2010** sehinggalah **30 Ogos 2014**:

Program Jalan Luar Bandar (JALB):

Sepanjang **4,310.87 km** jalan telah siap dibina (sasaran:3,653.99km) yang melibatkan **1,404.31 km** di **Sabah** dan **1.173.79 km** di **Sarawak**.

Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB):

Sebanyak **331,812** buah rumah telah menerima bekalan air bersih/terawat (sasaran:357,073 buah rumah) yang melibatkan **105,530** buah rumah di **Sabah** dan **80,942** buah rumah di **Sarawak**.

Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB):

Sebanyak **120,878** buah rumah telah menerima bekalan elektrik 24 jam (sasaran:117,002 buah rumah) yang melibatkan **47,358** buah rumah di **Sabah** dan **60,508** buah rumah di **Sarawak**.

Program Bantuan Rumah (PBR):

Sebanyak **70,896** buah rumah **telah berjaya dibina baru/dibaik pulih** (sasaran: 52,129 buah rumah) yang melibatkan **16,305** buah rumah di **Sabah** dan **23,815** buah rumah di **Sarawak**.